

PERSEPSI PENSYARAH TENTANG PROGRAM PERKEMBANGAN STAF (PPS)
DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS)

MOHD NIZAM BIN MAT ISA

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Untuk insan-insan yang teristimewa dan disayangi,
Ayahanda Mat Isa bin Abdullah dan Bonda Asa binti Abdul Rahman, serta Mohd.
Nardin, Siti Nardina, Mohd Nazhar, Siti Mariam, Nurul Saudah, Nurhidayah dan Nazura
Ariff.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN***DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA
PENYAYANG***

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya, laporan projek ini berjaya juga disiapkan seperti yang dijadualkan walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan dalam menyiapkannya. Terima kasih tak terhingga di tujukan kepada individu-individu yang banyak membantu, memberi dan menyumbangkan idea serta tenaga mereka sehingga Projek Sarjana ini berjaya disiapkan.

Jutaan terima kasih ditujukan sepenuh ikhlas kepada penyelia projek, Tuan Haji Mohd Salleh Haji Tahar di atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyiapan Projek Sarjana ini.

Ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTV), Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUiTTHO di atas kerjasama yang diberikan dalam membantu menyiapkan laporan Projek Sarjana ini.

Ucapan teristimewa kepada keluarga tercinta yang banyak memberikan semangat dan dorongan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini dijalankan ialah untuk meninjau persepsi pensyarah tentang Program Perkembangan Staf. Objektif kajian ialah meninjau persepsi pensyarah tentang kepentingan Program Perkembangan Staf kepada mereka. Di samping itu, kajian juga tertumpu kepada persepsi pensyarah tentang tahap pelaksanaan Program Perkembangan Staf oleh pihak pengurusan. Selain itu, kajian ini meninjau tahap sokongan yang diberikan oleh pengarah atau ketua jabatan terhadap penglibatan pensyarah dalam Program Perkembangan Staf. Seramai 80 orang pensyarah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) yang merangkumi empat jabatan telah terlibat dalam kajian yang dijalankan. Instrumen kajian ialah soal selidik dan data-data yang telah diperolehi telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 10.0 dan Microsoft Excel digunakan untuk memudahkan penyajian kajian. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya pensyarah-pensyarah mendapati Program Perkembangan Staf ini penting untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Mereka mengatakan pelaksanaan Program Perkembangan Staf berada di tahap yang rendah manakala sokongan yang diberikan berada di tahap yang sederhana.

ABSTRACT

The purpose of this research is to determine lecturers' perception towards staff development program at Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). The main objective of this research is to perceive on the importance of the staff development program towards the lecturers professionalism. The research will also cover the perception of the lecturers towards the level of implementation of the program by the management. Lastly, the research covers the level of support shown by director/head department towards the program. The research sample were 80 lecturers of Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) that come from 4 department (Commerce, Civil, Electrical and Mechanical). Questionnaires were used as the research instrument and data were analyzed using SPSS Version 10.0 and Microsoft Excel. The research finding proved that the program had helped lecturers improve the level of professionalism. Nevertheless the implementation of the program is perceived to be at a low level and encouragement by superiors are at a moderate level

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv

I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5

1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	7
1.8	Definisi Operasional	8
	1.8.1 Persepsi	8
	1.8.2 Pensyarah Politeknik	8
	1.8.3 Program Pembangunan Staf	8
1.9	Kesimpulan	9

II

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	10
2.2	Teori/Model Program Pembangunan Staf	
	2.2.1 Kepentingan Program Pembangunan Staf	12
	2.2.2 Tahap Pelaksanaan Program Pembangunan Staf	13
	2.2.3 Sokongan Pihak Pengurusan Terhadap Program Perkembangan Staf	16
2.3	Kajian Lepas	
	2.3.1 Kepentingan Program Pembangunan Staf	18
	2.3.2 Tahap Pelaksanaan Program Pembangunan Staf	21
	2.3.3 Sokongan Pihak Pengurusan Terhadap Program Perkembangan Staf	22
2.4	Model Kajian	23
2.5	Kesimpulan	26



V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	65
5.2	Persepsi Pensyarah Tentang Kepentingan Program Perkembangan Staf di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).	66
5.3	Tahap Pelaksanaan Program Perkembangan Staf di di POLIMAS	67
5.4	Tahap Sokongan Pihak Pengurusan Terhadap Program Perkembangan Staf di POLIMAS	68
5.5	Implikasi dan Cadangan	69
5.6	Cadangan Kajian Untuk Masa Depan	71
5.7	Kesimpulan	72
VI	HASIL PRODUK	
6.1	Pengenalan	73
6.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	74
6.3	Objektif Produk	74
6.4	Kegunaan Produk	75
6.5	Kelebihan Produk	75
6.6	Sasaran Penggunaan Produk	76
6.7	Bentuk Produk	76
6.8	Kronologi Pembinaan Produk	76
6.9	Kekangan Dalam Membangunkan Produk	79
6.10	Kesimpulan	79
	BIBLIOGRAFI	80
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina.	32
4.2	Taburan responden Mengikut Pengalaman Mengajar.	34
4.3	Taburan Kekekapan Respon Pensyarah Tentang Pentingnya Program Perkembangan Staf di POLIMAS.	35
4.4	Taburan Kekekapan Respon Pensyarah Tentang Pelaksanaan Program Perkembangan Staf di POLIMAS.	43
4.5	Taburan Kekekapan Respon Pensyarah Tentang Sokongan Pihak Pengurusan Terhadap PPS di POLIMAS.	52



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Nadler's Critical Event Model oleh Nadler (1980)	15
2.2	Kesan Program Perkembangan Staf Ke Atas Pembangunan Pendidik Bell & Gilbert	20
2.3	Persepsi Pensyarah Tentang Program Perkembangan Staf di Politeknik.	23
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina.	32
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina	33
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	34
4.4	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 1	36
4.5	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 2	36
4.6	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 3	37
4.7	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 4	37
4.8	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 5	38
4.9	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 6	38
4.10	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 7	39
4.11	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 8	39
4.12	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 9	40
4.13	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 10	40
4.14	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 11	41
4.15	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 12	41
4.16	Respon Responden Terhadap Soalan Penting 13	42
4.17	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 1	44
4.18	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 2	45

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
4.19	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 3	45
4.20	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 4	46
4.21	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 5	46
4.22	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 6	47
4.23	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 7	47
4.24	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 8	48
4.25	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 9	48
4.26	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 10	49
4.27	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 11	49
4.28	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 12	50
4.29	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 13	50
4.30	Respon Responden Terhadap Soalan Laksana 14	51
4.31	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 1	53
4.32	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 2	54
4.33	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 3	54
4.34	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 4	55
4.35	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 5	55
4.36	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 6	56
4.37	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 7	56
4.38	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 8	57
4.39	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 9	57
4.40	Respon Responden Terhadap Soalan Sokongan 10	58
5.1	Carta Alir Pembinaan Panduan Program Perkembangan Staf	77

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Produk-Buku Garis Panduan Mengenai Program Perkembangan Staf.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

NAMA PENUH

IAB	Institut Aminuddin Baki
n	Bilangan Responden
POLIMAS	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
PPS	Program Perkembangan Staf



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan ilmu pengetahuan dan ledakan maklumat yang telah dan sedang berlaku di sekeliling kita telah mengubah corak kehidupan masyarakat sejagat termasuklah perubahan kepada sistem pendidikan. Untuk menangani perkembangan teknologi maklumat yang memberi kesan yang luas kepada dunia pendidikan dan dunia profesion perguruan maka kaum guru di seluruh negara ini perlu mengadaptasikan diri dan profesion mereka mengikut arus perubahan yang berlaku (Abd. Rahim, 2000)

Sejauhmana seorang pensyarah mampu menyahut cabaran ini bergantung kepada tahap kecemerlangan profesionalisme yang ada pada mereka. Perubahan paradigma peranan pendidikan sebagai ejen informasi maklumat dan asas bagi membentuk masyarakat bestari memberi cabaran yang besar kepada profesion perguruan dan perubahan peranan serta fungsi institusi pendidikan. (Abd. Rahim , 2000).

Perubahan yang berlaku dalam kurikulum dan struktur serta fungsi politeknik telah membawa kepada meningkatnya keperluan terhadap latihan dalam perkhidmatan serta program-program perkembangan staf yang lain. Urusan latihan pekerja menjadi begitu penting terutama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti. (Chek Mat, 2001). Wan Mohd. Zahid (1993) pula telah menegaskan “Pendidik perlu senantiasanya meningkatkan ilmu pengetahuan umum, tugas penyelidikan dan ilmu-ilmu pendidik profesional ke suatu tahap yang selari dengan segala jenis perkembangan, kemajuan dan inovasi dalam masyarakat”.

Program Perkembangan Staf amat penting kepada pendidik untuk mempertingkatkan tahap kecemerlangan profesionalisme perguruan selaras dengan perkembangan pesat dunia pendidikan. Empat kepentingan Program Perkembangan Staf yang diberikan oleh Ann Lieberman (1995) iaitu membina peranan baru, mencipta struktur baru, bekerja dengan tugas baru dan mencipta budaya baru sebagaimana yang dikehendaki.

Kepimpinan politeknik seperti pengetua perlu mempunyai visi dan misi untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran ilmu di kalangan pensyarahnya. Pengetua perlu bersedia untuk mengambil inisiatif dan berkemampuan untuk menggerakkan staf untuk memasyarakatkan diri mereka dalam usaha memajukan profesion mereka secara berterusan (Hussien Hj. Ahmad, 1991). Bersesuaian dengan fungsi pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pembelajaran di politeknik maka amatlah wajar mereka terus berusaha mewujudkan keadaan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan stafnya. Sebagai balasan, mereka boleh diberikan pelbagai bentuk insentif untuk menggalakkan pembelajaran berterusan seperti dalam bentuk ganjaran. Menurut Maimunah (2001), program perkembangan dan pelajaran boleh ditawarkan kepada pekerja dalam bentuk ganjaran boleh digunakan untuk mendorong pekerja.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perkembangan teknologi yang pesat mengakibatkan pengetahuan dan kemahiran yang ada pada pensyarah menjadi usang. Begitu juga dengan penglibatan yang pasif di kalangan pensyarah menjadikan program yang dibuat tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Masalah 'burn out' di kalangan pensyarah juga seringkali dipertikaikan kerana kebanyakan pensyarah yang telah lama berkhidmat dikatakan mempunyai motivasi yang kurang berbanding dengan prestasi mereka di permulaan berkhidmat. Tetapi sejauhmanakah program-program perkembangan staf yang dilaksanakan ini memberi impak kepada peningkatan kecekapan pensyarah. Dapatan daripada beberapa tinjauan ke atas kesan daripada kursus-kursus yang dianjurkan secara 'top-down' membayangkan rasa tidak puas hati para pendidik kerana kursus atau latihan yang diberikan tidak sesuai dengan pelajar dan persekitaran mereka (Wan Mohd Zahid, 1993).

Justeru itu, para pemimpin institusi pendidikan telah diseru supaya mengubah tanggapan mereka berhubung pelaksanaan Program Perkembangan Staf. Pemberian peluang kepada pensyarah untuk mengemukakan pendapat mengenai perancangan Program Perkembangan Staf amat penting. Dengan itu, pensyarah dapat berbincang sesama mereka tentang program yang hendak dibuat kerana mereka lebih arif dalam memberikan pendapat mengenai keperluan dalam profesion mereka. Menurut Blase (1999), "...by giving us voice and choice, we are more motivated to go to in-service training and learn new things that we can try out and actually use, instead of going to tons of meetings and never really having the time to try out new strategies"

Kadar perubahan yang cepat dan kerap dalam sistem pendidikan di negara ini telah menguatkan lagi desakan kepada perlunya perancangan dan pelaksanaan Program Perkembangan Staf yang bersistematik dan dapat mendorong pendidik untuk senantiasa bermotivasi meningkatkan kecekapan profesionalisme mereka. Ternyata pendekatan kursus atau latihan yang bergantung kepada 'arahan' daripada pihak atasan semata-mata dan bersifat reaktif tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan pendidik dalam aspek peningkatan ilmu dan kemahiran profesional mereka. Apakah ertinya Program Perkembangan Staf yang dibentuk sekiranya tiada penglibatan para pendidik. Justeru itu, sokongan pihak atasan amat penting. Menurut Blase (1999) sokongan boleh diberikan melalui penekanan kepada pentingnya proses mengajar, belajar dan menyokong usaha berkumpulan pensyarah. Oleh itu, timbul kesedaran betapa perlunya pihak pengurusan politeknik diberi kesedaran tentang perancangan dan pelaksanaan program perkembangan staf.

1.3 Pernyataan Masalah

Penglibatan pasif di kalangan pensyarah POLIMAS di dalam Program Perkembangan Staf menjadi satu persoalan kepada pengkaji di mana faktor ini dipengaruhi oleh pelaksana Program Perkembangan Staf dan juga sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan. Masalah 'burn out' di kalangan pensyarah yang sudah lama berkhidmat juga sering dipersoalkan. Mereka ini dikatakan kurang bersemangat dalam menjalankan tugas-tugas seharian. Ia disebabkan oleh kurangnya motivasi pada masa sekarang jika dibandingkan dengan motivasi yang dipunyai oleh mereka sewaktu mula-mula menjalankan tugas.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Program Perkembangan Staf di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Kajian ini akan menumpukan kepada tiga persoalan utama iaitu mengenalpasti persepsi pensyarah tentang Program Perkembangan Staf, tahap pelaksanaan Program Perkembangan Staf dan sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan politeknik kepada para pensyarah boleh membantu mereka melibatkan diri secara aktif dalam Program Perkembangan Staf.

1.4 Persoalan Kajian

Hasil daripada permasalahan yang wujud, beberapa persoalan telah ditimbulkan bagi tujuan kajian ini iaitu:

- (i) Sejauh manakah pandangan pensyarah tentang pentingnya Program Perkembangan Staf di politeknik?
- (ii) Apakah tahap pelaksanaan Program Perkembangan Staf di politeknik?
- (iii) Apakah tahapsokongan pihak pengurusan politeknik terhadap Program Perkembangan Staf di politeknik?



PTAAUTHM
PERKEMBANGAN STAF TUN AMINAH

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pensyarah tentang Program Perkembangan Staf di politeknik. Objektif khusus bagi kajian adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- (i) Menenalpasti persepsi pensyarah tentang kepentingan Program Perkembangan Staf di POLIMAS.
- (ii) Menenalpasti tahap pelaksanaan Program Perkembangan Staf di POLIMAS.
- (iii) Menenalpasti tahap sokongan pihak pengurusan dalam pelaksanaan Program Perkembangan Staf di POLIMAS.
- (iv) Menghasilkan satu garis panduan tentang Program Perkembangan Staf.

1.6 Kepentingan Kajian

Di akhir kajian ini, adalah diharapkan agar ia memberi faedah kepada penyelidik untuk mengenalpasti persepsi pensyarah POLIMAS tentang Program Perkembangan Staf di mana ia dapat menggambarkan betapa pentingnya program perkembangan staf ini dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pendidik. Selain itu, ia juga dapat memberikan garis panduan kepada pihak yang terlibat untuk merancang program dan keperluan bagi penempatan Program Perkembangan Staf kalangan pensyarah.

Penghasilan buku Garis Panduan Program Perkembangan Staf diharapkan agar mampu memberi satu inspirasi baru kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam Program Perkembangan Staf seperti Pengarah politeknik, Pengetua Maktab Perguruan, Pengetua pusat pengajian swasta dan Pengetua sekolah. Melalui buku Garis panduan ini, pihak pengurusan boleh mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan program perkembangan staf yang telah dijalankan. Selain itu, ia juga dapat memberi input yang berguna kepada pihak atasan mengenai sokongan kepada pensyarah-pensyarah untuk melibatkan diri dalam program perkembangan staf.

1.7 Batasan Kajian

Data yang diperolehi bergantung kepada responden yang terlibat iaitu pensyarah-pensyarah di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Keikhlasan jawapan yang diberikan amat penting untuk digunakan semasa menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Kajian ini akan memberikan tumpuan yang khusus terhadap keperluan Program Perkembangan Staf bagi pensyarah politeknik. Maklumat yang diperolehi hanya tepat pada masa kajian dilaksanakan dan sekiranya berlaku sebarang perubahan selepas dan tempoh kajian ini dijalankan, ia adalah di luar kawalan kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Persepsi

Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada pandangan/penilaian para pensyarah di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) mengenai keperluan program perkembangan staf.

1.8.2 Pensyarah Politeknik

Perkataan pensyarah ini pula membawa maksud tenaga pengajar di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.

1.8.3 Program Perkembangan Staf

Segala aktiviti latihan dalam perkhidmatan @ kursus yang dirancang oleh politeknik dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan di kalangan pensyarah.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan serta membincangkan perkara yang menjadi asas dan latar belakang kajian ini termasuklah permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah dan operasional.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Peranan Program Perkembangan Staf seringkali dikaitkan dengan sebarang usaha yang sistematik yang membawa perubahan dalam pemikiran dan amalan di kalangan staf dalam sesebuah organisasi bagi memenuhi matlamat organisasi tempat mereka bekerja. Tumpuan utama Program Perkembangan Staf ialah pengemblengan tenaga serta kemahiran ahli dalam organisasi bekerja supaya dapat bergerak lebih efektif dan berkesan ke arah satu matlamat yang sama iaitu peningkatan dan keberkesanan organisasi tersebut seperti yang ditegaskan oleh Main (1985) dalam Maimunah (1996), "staff development concerns the means by which a person cultivates those skills whose application will improve the efficiency and effectiveness with which the anticipated results of a particular organizational segment are achieved".

Dalam konteks pendidikan, Program Perkembangan Staf merupakan usaha untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran pendidik dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran mereka. Hussein (1991) memberi pengertian perkembangan staf sebagai proses membangunkan kualiti staf daripada segi keilmuan terhadap profesionalisme atau '*professional world view*' mereka, kerjaya serta kemahiran yang perlu dipertingkatkan. O'Sullivan, Jones and Reid (1988) dalam Azmani (1999) pula mendefinisikan perkembangan staf sebagai "...the activity of staff training, that is a conscious institutional approach intended to improve the capability for staff to fill specified roles, particularly in relation to teaching"

Berdasarkan beberapa takrifan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa Program Perkembangan Staf merupakan cara atau kursus yang digunakan oleh organisasi untuk memberi latihan kepada ahli-ahlinya supaya dapat meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan serta kecekapan kakitangan bagi memenuhi keperluan individu dan organisasi pada masa sekarang dan masa depan.



BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim (2000). *Wawasan & Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al Ramaiah (1992). *Kepimpinan Pendidikan. Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Ann Lieberman (1995). *Practices That Support Teacher Development*. Journal Teaching & Teacher Education, Apr95, Vol.76 Issue 8, p591.
- Azmani (1999). *Keberkesanan Pelaksanaan Program Perkembangan Staf (PPS) di Kawasan Bandar dan Luar Bandar-Satu Kajian Perbandingan*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). "Tidak diterbitkan".
- Bell, B., & Gilbert, J. (1994). *Teacher development as professional, personal, and social development*, Journal Teaching & Teacher Education, 10 (5), 483 - 497.
- Chek Mat (2001). *Penyeliaan Berkesan*. Siri Pengurusan Dan Pentadbiran Utusan. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hussein (1991). *Perkembangan Staf di Sekolah: Bentuk dan Cara Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur. Jurnal Pengurusan Pendidikan, 1 (2), 2-9.
- Jananainah (1999). *Peranan Pengetua Dalam Program Perkembangan Staf (PPS) - Kajian ke atas Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). "Tidak diterbitkan"
- Joseph Blase (1999). *Principals Instructional Leadership and Teacher Development: Teacher Perspective*. Journal Teaching & Teacher Education, Aug99, Vol.35 Issue 3, p 349.
- Maimunah (2001). *Pengurusan Sumber Manusia*. Kuala Lumpur. Siri Pengurusan Fajar Bakti.
- Maimunah (1996). *Persepsi Guru Tentang Program Perkembangan Staf Di Sekolah-Satu Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Rendah Di Kuching*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). "Tidak diterbitkan".
- Wan Mohd Zahid (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Zaidatol Akmaliah (1990). *Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur. Siri Pendidikan Fajar Bakti. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH